

TEKS UCAPAN  
Y.BHG. BRIG. JEN. DATO` PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN,  
NAIB CANSELOR UNIMAP,  
SEMPENA  
MAJLIS PERASMIAN EKSPO REKACIPTA & PAMERAN  
 PENYELIDIKAN UniMAP 2012  
11 JANUARI 2012  
DI DEWAN KULIAH KAMPUS PAUH PUTRA

**Bismillah Hirrahman Nirrahim**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam  
1Malaysia.**

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan  
Naib Canselor Akadmeik dan Antarabangsa UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib  
Canselor Penyelidikan dan Inovasi UniMAP,

Yang Berusaha, Tn Haji Bakar Othman, Pengarah Urusan  
AKTY Technologies

Pegawai-pegawai Utama Universiti

Penolong-penolong Naib Canselor

Yang Berusaha Prof. Dr. Syed AlJunid Bin Syed Junid,  
Dekan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI)

Dekan-Dekan dan Ketua-Ketua Jabatan, Pensyarah-pensyarah serta peserta -peserta pameran,

Rakan-rakan Media yang dihormati, seterusnya hadirin dan hadirat yang saya kasihi sekalian.

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah S.W.T atas limpah kurnia-Nya kita dapat bersama-sama dalam Majlis Perasmian Ekspo Rekacipta dan Pameran Penyelidikan UniMAP 2012 pada petang yang indah ini.

Di sini juga saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada jawatankuasa pengajur yang telah bertungkus lumus dalam memastikan kelancaran perjalanan majlis ini.

Alhamdulillah, pada tahun ini, pengajuran Ekspo ini memasuki tahun keenam dan saya amat berpuas hati apabila dimaklumkan sebanyak 352 produk penyelidikan telah dipertandingkan tahun ini.

Jumlah ini merupakan peningkatan 100 produk berbanding pada tahun lalu. Semoga dengan pertambahan bilangan

produk yang dipertandingkan ini akan meningkatkan lagi pencapaian yang diraih oleh UniMAP dalam bidang penyelidikan.

Besarlah harapan saya agar produk-produk yang dipertandingkan pada tahun ini bukan sekadar meningkat dari aspek kuantiti tetapi turut menonjolkan peningkatan dari aspek kualiti

Hadirin dan hadirat sekalian,

Bidang penyelidikan merupakan antara bidang yang diberi tumpuan khusus baik di peringkat universiti maupun kerajaan. Dan sebagai satu kaedah untuk meningkatkan daya saing, telah diakui bahawa Malaysia perlu menambah bilangan penyelidik, saintis dan jurutera.

Pada masa ini terdapat lebih 100 pusat kecemerlangan di IPTA di mana bilangan penyelidik, saintis dan jurutera boleh ditambah melalui pusat-pusat kecemerlangan berkenaan. UniMAP juga sewajarnya berasa bangga apabila turut memiliki pusat yang diiktiraf sebagai Pusat Kecemerlangan.

Sebagaimana yang saya maklumkan semalam, saya telah menghantar surat kepada KPT untuk menilai UniMAP sebagai salah sebuah universiti penyelidikan yang baru berdasarkan kejayaan dan pencapaian yang telah diraih sepanjang tahun lalu.

Justeru, bagi mencapai kecemerlangan penyelidikan yang standing dengan universiti terkemuka dunia, maka saya amat berharap penyelidik UniMAP perlu memiliki minat, keghairahan (*passion*) dan budaya penyelidikan yang tinggi dan disegani.

Para penyelidik juga perlu mempunyai kolaborasi strategik dengan rakan sejawat di luar negara. Penghasilan jurnal dan penulisan ilmiah akan meningkatkan lagi kredibiliti seorang penyelidik. Telah diakui sepanjang pengalaman kita mengikuti pameran dan Ekspo penyelidikan di dalam dan luar negara, aspek penulisan dan jurnal turut menjadi antara criteria penjurian.

Maka atas dasar itu, saya ingin menyeru semua penyelidik untuk tidak hanya menumpukan kepada penghasilan produk sebaliknya turut menghasilkan jurnal atau penulisan sokongan yang berimpak tinggi.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Tahun 2011 telah mencatatkan kejayaan yang manis buat UniMAP dalam bidang R&D apabila berjaya meraih pelbagai pingat dalam pertandingan dan ekspo penyelidikan yang disertai baik diperingkat tempatan mahupun antarabangsa.

Lebih menggembirakan saya, kejayaan ini bukan sahaja diraih oleh penyelidik dari kalangan staf sebaliknya pelajar-pelajar UniMAP juga turut mencipta kejayaan masing-masing. Bermula dengan Ekspo Rekacipta dan Pameran Penyelidikan ini, UniMAP kan mula mengisi kalendar penyelidikan 2012 dengan pelbagai pertandingan dan Ekspo di peringkat tempatan dan luar.

Tidak ketinggalan, kita juga akan menjadi tuan rumah kepada penganjuran I-ENVEX pada bulan April ini. Justeru, saya amat mengharapkan kerjasama dan komitmen jitu dari semua pihak terutama penyelidik-penyelidik untuk mengkalkan momentum pencapaian terbaik UniMAP pada tahun lalu.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Tidak dapat dinafikan, aktiviti pengkomersialan produk juga merupakan antara pengukur kejayaan bagi sesuatu produk penyelidikan. Dan atas dasar itu, UniMAP melalui Pusat Pembangunan Keusahawanan, Pengkomersilan & Pengurusan Harta Intelek (E-CIP) dipertanggungjawabkan untuk menguruskan aktiviti pengkomersilan dan pemantauan produk-produk penyelidikan di UniMAP.

Dan pada hari ini, kita di UniMAP merasa beruntung, kerana akan menyaksikan termeterainya satu lagi memorandum perjanjian (MOA) antara UniMAP dan AKTY Technologies.

Syarikat ini mempunyai kepakaran dalam pemprosesan ‘micro-precision’ untuk seramik dan pelbagai bahan-bahan mewah. Saya dimaklumkan, bidang pengkhususannya meliputi proses pengisaran, pemotongan, membalut atau melipat dan menggilap selain memberi nilai tambah kepada kontrak pembuatan dan perkhidmatan kejuruteraan kepada pelanggan-pelanggan di seluruh industri yang pelbagai.

Maka atas dasar itu, saya berkeyakinan penuh, syarikat ini mampu membantu UniMAP dalam pengkomersialan produk Solar Uninterruptable Power Supply (Solar UPS) hasil Penyelidikan Prof Ismail Daut dan Mohd. Irwanto Misrun.

Saya tidak ingin berbicara panjang pada majlis ini. Dikesempatan ini, saya ingin sekali lagi merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada sekretariat atas kelancaran penganjuran program ini. Semoga kecemerlangan dan kegemilangan penyelidikan UniMAP dapat diteruskan di tahun-tahun akan datang.

**UniMAP dikenali universiti kejuruteraan,  
Teknologi dan mesin asas utama,  
Penyelidikan berkualiti teras kegemilangan,  
Memahat nama di Persada Dunia.**

Akhir kata dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan ekspo Rekacipta dan Pameran Penyelidikan UniMAP 2012.

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.